

10 APR 2004

Mahathir-Kejayaan

KESANGGUPAN RAKYAT UNTUK HIDUP BERSAMA MENYUMBANG KEJAYAAN NEGARA

KUCHING, 10 April (Bernama) -- Kejayaan yang dinikmati oleh Malaysia adalah hasil kesanggupan rakyatnya untuk hidup bersama secara aman dan berkongsi kuasa dalam politik dan kemewahan, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata corak pentadbiran yang baik juga telah menyumbang ke arah kemajuan berterusan, yang di iktiraf dunia, termasuk negara-negara anggota Komanwel.

"Inilah yang memberi kekuatan kepada negara kita...ciri-ciri rakyat seperti sanggup berkerja keras serta berfikiran waras dan sederhana bagi membolehkan kerajaan Barisan Nasional (BN) merangka pelbagai program pembangunan," katanya pada majlis makan malam jasamu dikenang, anjuran kerajaan Sarawak di Dewan Santapan, Dewan Undangan Negeri di Petra Jaya di sini malam ini.

Turut hadir ialah isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau berkata banyak pihak tidak begitu yakin dengan keupayaan Malaysia menjadi sebuah negara yang cepat membangun selepas rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan dan rakyat negara ini sebaliknya mula merapatkan perpaduan selepas sejarah hitam tersebut.

Itu terbukti dengan wujudnya satu pakatan politik yang kuat - BN - yang dianggotai parti-parti yang mewakili kaum dan pernah bertelagah sebelum itu, katanya.

Dr Mahathir berkata sebagai contoh, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) yang dahulunya sebuah parti pembangkang di Sarawak, kini merupakan antara tunjang kekuatan BN negeri.

Ia membolehkan kerajaan mengurangkan tumpuan terhadap politik, sebaliknya memberi tumpuan kepada dasar pembangunan, katanya.

Menurutnya sumbangan sektor awam dan swasta turut mengukuhkan lagi pembangunan ekonomi di negara ini.

Terdahulu, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata tidak dinafikan bahawa Dr Mahathir adalah pemimpin yang benar-benar memodenkan

Malaysia dalam membela nasib rakyatnya.

-- BERNAMA

CJ LAT